

Apa yang kami dengar daripada whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi

[BAHASA MALAYSIAN]



ROYAL COMMISSION OF INQUIRY
INTO THE TERRORIST ATTACK
ON CHRISTCHURCH MOSQUES
ON 15 MARCH 2019

TE KÖMIHANA UIUI A TE WHAKAEKE
KAIWHAKATUMA I NGĀ WHARE
KORANA O ÖTAUTAHU I TE
15 O POUTU-TE-RANGI 2019

26 November 2020

Apa yang kami dengar daripada whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi

Terbitan 26 November 2020

ISBN 978-0-473-54879-7 (PDF)

ISBN 978-0-473-55300-5 (Buku Berkulit Lembut)

Hakcipta Terpelihara 2020 ©

*Dokumen ini boleh didapati dalam talian di:
www.christchurchattack.royalcommission.nz*

*Dicetak menggunakan kertas yang diperakui
oleh ECF dan FSC serta bebas asid dan boleh
dibiodegradasikan.*



Tu ilah rumah anda
dan sepatutnya anda
selamat di sini

Kata Pengantar daripada Pesuruhjaya



Assalaam alaikum dan Tēnā koutou.

Kami ingin memulakan dengan mengucapkan takziah kepada whānau 51 syuhada, dan mangsa terselamat dan saksi-saksi serangan pengganas berserta dengan whānau mereka. Sepanjang siasatan kami, anda menjadi fokus fikiran kami. Kami tahu betapa pentingnya perkara ini sejak awal, tetapi pemahaman dan penghargaan kami tentang apa yang sebenarnya dimaksudkan ini semakin berkembang apabila kami mendengar lebih banyak kisah, pengalaman dan bukti. Anda telah memberikan kami pemahaman tentang realiti yang mengerikan mengenai peristiwa serangan pengganas dan kesan-kesannya yang berterusan. Pengalaman yang anda kongsikan telah memberi dorongan kepada kami untuk mencari jawapan, agar memastikan kami adalah bersedaya upaya dalam memberikan anda jaminan bahawa sistem keselamatan negara New Zealand adalah bersesuaian dengan tujuannya. Terima kasih yang tidak terhingga kami ucapkan kepada anda kerana rela bertemu dengan kami dan membuka hati dan rumah anda untuk berkongsikan cerita anda.

Mendengar daripada mangsa yang paling terkesan dalam serangan pengganas telah memberi maklumat kepada pasukan penyiasatan kami dan membekalkan pandangan yang berharga terhadap realiti dalam pemulihan daripada serangan pengganas yang dahsyat itu. Ini sangat menyentuhkan hati kami, dan kami percaya ia dapat mempelbagaikan kandungan dalam laporan kami.

Kami juga memberi pengakuan kepada mereka yang, dengan apa-apapun alasan, tidak ingin ataupun tidak dapat berkongsikan pengalaman mereka dengan kami, sama ada mereka berasa belum sampai masa atau keadaan yang sesuai, mahupun faktor-faktor lain. Kami tahu bahawa melibatkan diri dalam proses yang formal dan waktu yang terikat tidak dapat memenuhi keperluan mereka yang mungkin ingin bercakap dengan kami. Kami menyedari bahawa kisah, pengalaman dan bukti yang dinyatakan di sini tidak mewakili semua whānau daripada 51 shuhada, dan juga mangsa terselamat dan saksi-saksi serangan pengganas. Kami mengajak para pembaca untuk membuka halaman-halaman ini dan merenungkan pandangan berharga yang kami dapatkan daripada para mangsa yang paling terkesan dalam serangan pengganas.

Hon Sir William Young KNZM
Pengerusi

Jacqui Caine
Ahli

Isi Kandungan

Glosari		4
Bab 1	Konteks Suruhanjaya Siasatan Diraja mengenai Serangan Pengganas di Masjid Christchurch pada 15 Mac 2019 Batasan Penyiasatan Garis masa penyiasatan Tujuan dokumen ini dan proses kami Apa yang kami tanya kepada whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi	5 5 6 7 7 11
Bab 2	Kesan Serangan Pengganas Kesan-kesan langsung serangan pengganas Kesan-kesan Sampingan Sokongan daripada komuniti New Zealand yang lebih luas Mendapatkan sokongan yang tepat daripada agensi-agensi sektor awam merupakan sesuatu perkara yang mencabar	13 13 15 16 18
Bab 3	Kehidupan di New Zealand sebagai seorang Islam New Zealand dipandang positif secara umumnya, tetapi semangat perkauman dan diskriminasi kaum meluas dan wujudnya Islamofobia Kesan prejudis (tidak sengaja atau sebaliknya), terutamanya di dalam media	27 27 29
Bab 4	Soalan yang dikemukakan mengenai individu dan apa yang diketahui oleh agensi-agensi sektor Awam tentang pengganas	34
Bab 5	Penyelesaian yang dicadangkan oleh whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi Meningkatkan keselamatan di Masjid Mendukung hak asasi manusia, diversiti dan mengurangkan kesan ekstremisme yang merbahaya Penambahbaikan terhadap sistem keselamatan negara New Zealand	36 36 37 39
Bab 6	Perkara-perkara lain yang dikemukakan oleh whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi Tindak balas polis New Zealand terhadap serangan pengganas Interaksi individu dengan sistem keadilan jenayah	42 42 43
Lampiran	Proses penyediaan dokumen ini	44

Glosari

Istilah	Takrif
hijab	Tudung yang digunakan untuk menutup bahagian kepala seseorang wanita Islam.
intelligence and security agencies (Perisik dan agensi keselamatan)	Biro Keselamatan Komunikasi Kerajaan dan Perkhidmatan Perisikan Keselamatan New Zealand. Ini adalah istilah berkanun di bawah Akta Perisikan dan Keselamatan 2017.
masajid	Istilah Bahasa Arab untuk lebih dari dua masjid.
masjid	Istilah Bahasa Arab untuk masjid, tempat ibadat Islam. Dalam bahasa Arab, masjid diterjemahkan secara asal sebagai ‘tempat sujud (dalam solat)’.
Masjid an-Nur	Istilah Bahasa Arab untuk Al Noor Mosque.
masjidain	Istilah Bahasa Arab untuk dua masjid.
shuhada	Istilah Arab untuk “syahid”. Istilah shuhada digunakan dalam dokumen ini untuk merujuk kepada orang-orang yang mati sebagai syahid akibat serangan pengganas pada 15 Mac 2019.
wider New Zealand Intelligence Community	Kumpulan agensi sektor Awam yang mengumpulkan, menilai atau menggunakan perisik rahsia, dan agensi-agensi yang mengumpulkan dan / atau menggunakan perisikan rahsia untuk dasar dan operasi luaran atau domestik. Ini termasuk agensi dalam <i>New Zealand Intelligence Community</i> (Kumpulan Keselamatan Negara Jabatan Perdana Menteri dan Kabinet, Biro Keselamatan Komunikasi Kerajaan dan Perkhidmatan Perisikan Keselamatan New Zealand) dan agensi sektor Awam lain seperti Jabatan Pembetulan (<i>Department of Corrections</i>), Imigresen New Zealand, Kementerian Industri Utama, Perkhidmatan Kastam New Zealand, Pasukan Pertahanan New Zealand dan Polis New Zealand
whānau	Te reo Māori (bahasa Māori) istilah untuk keluarga.

Bab 1: Konteks

- 1 Pada 15 Mac 2019, Masjid an-Nur dan Pusat Islam Linwood di Christchurch telah diserang oleh seorang pengganas sayap kanan apabila para jemaah sedang bersolat. Lima puluh satu orang terbunuh dan 40 orang mengalami kecederaan akibat tembakan.
- 2 Tindak balas pihak Kerajaan terhadap serangan pengganas merangkumi dua pengumuman yang penting:
 - a) Pengumuman pada 21 Mac 2019 bahawa senapang separa automatik dan senapang serang yang bergaya tentera akan diharamkan segera berserta dengan kelopak berkapasiti tinggi. Skim pembelian balik akan dilaksanakan.
 - b) Pengumuman pada 25 Mac 2019 bahawa Suruhanjaya Siasatan Diraja akan ditubuhkan untuk menyiasat perkara-perkara yang membawa pada serangan pengganas.
- 3 Pada 26 Mac 2020, seorang lelaki Australia mengaku bersalah atas 51 tuduhan pembunuhan, 40 tuduhan cubaan membunuh dan 1 tuduhan pengganas yang berkaitan dengan serangan pengganas tersebut. Pada 27 Ogos 2020, dia dijatuhi hukuman penjara seumur hidup tanpa pembebasan bersyarat. Pada 1 September 2020, Perdana Menteri New Zealand menetapkan lelaki ini sebagai entiti pengganas di bawah Seksyen 22 Akta Memerangi Keganasan 2002. Berdasarkan penetapan di bawah perundangan New Zealand, aset entiti pengganas dibekukan dan menjadikannya kesalahan jenayah bagi sesiapa yang mengambil bahagian atau menyokong aktiviti entiti pengganas yang ditunjuk tersebut. Kami memilih untuk tidak menyebut nama pengganas di dalam dokumen ini tetapi menyebutnya secara umum sebagai “individu”.

Suruhanjaya Siasatan Diraja mengenai Serangan Pengganas di Masjid Christchurch pada 15 Mac 2019

- 4 Suruhanjaya Siasatan Diraja mengenai Serangan Pengganas di Masjid Christchurch pada 15 Mac 2019 (Suruhanjaya Diraja) ditubuhkan untuk mengkaji kegiatan individu sebelum 15 Mac 2019 dan menjalankan siasatan tentang:
 - a) apa yang diketahui oleh agensi-agensi sektor Awam terhadap individu, sebelum 15 Mac 2019;
 - b) apa yang dilakukan oleh agensi-agensi sektor Awam (jika ada) dengan pengetahuan tersebut;
 - c) adakah perkara lain yang boleh dilakukan oleh agensi-agensi sektor Awam dalam mencegah serangan pengganas tersebut; dan
 - d) apa lagi yang perlu dilakukan oleh agensi-agensi sektor Awam untuk mencegah serangan pengganas seperti ini pada masa akan datang.

- 5 Suruhanjaya Siasatan Diraja mesti membuat penemuan bahawa:
- adakah agensi-agensi sektor Awam mempunyai maklumat yang dapat memberi amaran kepada mereka mengenai serangan pengganas yang akan berlaku;
 - bagaimana agensi-agensi sektor Awam bekerjasama dan berkongsi maklumat;
 - adakah agensi-agensi awam gagal mengesan serangan pengganas ini kerana memfokus pada sumber anti keganasan yang tidak bersesuaian;
 - sama ada agensi-agensi sektor Awam gagal memenuhi piawaian yang sepatutnya ataupun mempunyai kesalahan dalam proses tertentu; dan
 - apa-apa perkara lain yang diperlukan untuk menyediakan laporan yang lengkap.
- 6 Suruhanjaya Diraja mesti memberi cadangan mengenai:
- apakah penambahbaikan yang perlu dilakukan terhadap cara agensi-agensi sektor Awam mengumpul, berkongsi dan menganalisa maklumat;
 - bagaimanakah sistem atau amalan operasi agensi-agensi sektor Awam boleh ditingkatkan untuk mencegah serangan pengganas pada masa akan datang; dan
 - apa-apa perkara lain yang diperlukan untuk menyediakan laporan yang lengkap.
- 7 Cadangan-cadangan ini boleh merangkumi perubahan pada perundangan (kecuali undang-undang senjata api), polisi, peraturan, piawaian atau amalan.

Batasan Penyiasatan

- 8 Suruhanjaya Diraja tidak dibenarkan untuk menjalankan penyiasatan terhadap:
- Kesalahan atau ketidakbersalahan seseorang yang telah, ataupun mungkin, didakwa atas kesalahan yang berkaitan dengan serangan pengganas;
 - pindaan undang-undang senjata api;
 - aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh organisasi-organisasi di luar sektor Awam, seperti platform media; dan
 - bagaimana agensi-agensi sektor Awam bertindak balas terhadap serangan pengganas itu sejak mula berlaku.

Garis masa penyiasatan

- 9 Suruhanjaya Diraja bermula pada 10 April 2019 dan mula menerima bukti pada 13 Mei 2019. Penyiasatan kami mempunyai beberapa fasa yang bertindih, daripada penubuhan sehingga berinteraksi dengan komuniti, menjalankan penyelidikan dan pengumpulan bukti, mengadakan wawancara bukti, menganalisis dan bermusyawarah, dan melaporkan perkembangan dan pembentangan.
- 10 Tarikh pelaporan asal pada 10 Disember 2019 telah dilanjutkan sebanyak dua kali sehingga tarikh pelaporan terakhir pada 26 November 2020. Pelanjutan ini diperlukan kerana:
- a) terdapat banyak bahan yang perlu kami nilai; dan
 - b) gangguan yang disebabkan oleh pandemik Covid-19.
- 11 Kami menyampaikan laporan kami kepada Gabenor Jeneral, Dame Patsy Reddy. Gabenor Jeneral akan menyerahkan laporan kepada pihak kerajaan untuk pertimbangan mereka.

Tujuan dokumen ini dan proses kami

- 12 Salah satu bahagian yang penting dalam proses Suruhanjaya Diraja ialah berinteraksi dengan whānau daripada 51 syuhada (orang yang terkorban sebagai syahid akibat serangan pengganas), dan mangsa terselamat dan saksi-saksi serangan pengganas tersebut serta whanau mereka. Mereka adalah sentiasa di dalam hati penyiasatan dan dalam fikiran kami. Suruhanjaya Siasatan Diraja ini ditubuhkan khas kerana tragedi yang berlaku pada 15 Mac 2019 yang membawa kesedihan, kesakitan dan kehilangan yang sangat mendalam.
- 13 Kumpulan orang ini boleh disebutkan secara kolektif sebagai mangsa, dan juga bagi mereka yang mengesahkan bahaya yang telah mereka alami. Orang lain, walau bagaimanapun, tidak menyukai istilah mangsa. Terdapat juga pandangan bercampur mengenai mangsa yang terselamat. Sebahagian daripada mereka yang terkesan lebih suka tidak diberikan label sama sekali. Untuk dokumen ini, kami menggunakan keterangan, “whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi” untuk merujuk kepada whānau daripada 51 syuhada, dan mangsa terselamat dan saksi-saksi serangan pengganas serta whānau mereka.
- 14 Fokus utama dokumen ini adalah untuk merekod secara komprehensif tentang apa yang kami dengar daripada whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi. Mengambilkira betapa signifikannya apa yang kami dengar, kami berasa penting untuk memperakui kisah, pengalaman dan bukti daripada mereka yang paling terkesan dalam serangan pengganas.
- 15 Kami ingin mengutamakan perjumpaan dengan whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi, sekiranya mereka ingin bertemu dengan kami. Kami bertemu dengan isteri, suami, ibu, bapa, adik-beradik, anak, sepupu dan saudara-mara syuhada.

Begitu juga, kami bertemu dengan mereka yang cedera (secara fizikal dan/atau mental), mangsa terselamat dan saksi-saksi serangan pengganas serta whānau mereka.

- 16 Apabila kami memulakan proses kami, kami tidak mempunyai senarai yang lengkap tentang semua whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi. Agensi sektor Awam dan organisasi komuniti yang relevan tidak dapat berkongsi nama atau maklumat hubungan yang mereka ada dengan kami atas alasan privasi. Dalam usaha untuk berhubung dengan sebanyak mungkin whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi, kami mempelawa secara terbuka terhadap mereka yang paling terkesan dalam serangan pengganas untuk bertemu dengan kami mengikut syarat-syarat yang mereka perlu.
- 17 Kami meminta Imam-Imam tempatan untuk memberitahu orang lain bahawa mereka boleh berjumpa dengan kami sekiranya mereka ingin berbuat demikian. Untuk memastikan bahawa jemputan kami boleh disampaikan kepada sebanyak mungkin orang, kami juga menghubungi kumpulan/organisasi lain untuk membantu orang lain meningkatkan kesedaran tentang peluang yang ada untuk mereka bertemu dengan kami, termasuklah kumpulan Christchurch Muslim Liaison, ahli-ahli kumpulan Muslim Community Reference kami, Victim Support, dan Kementerian Pembangunan Sosial. Kami memaparkan jemputan ini pada laman web kami, dalam siaran media, kepada orang lain semasa perjumpaan, melalui telefon kepada pemanggil talian-0800 dan menyediakan salinan-salinan jemputan kami untuk memaparkannya di papan kenyataan di masjid.
- 18 Kami juga disokong oleh peguam-peguam berasaskan komuniti JustCommunity, dan khidmat nasihat berasaskan komuniti Navigate Your Way Trust, yang membantu kami untuk bertemu dengan whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi di tempat perjumpaan secara kumpulan besar mahupun kecil. Sokongan organisasi-organisasi tersebut telah membuka peluang kepada kami untuk mendengar daripada sebahagian orang yang mungkin kami tidak dapat dicapai. Kami bersyukur atas sokongan dan bantuan mereka.
- 19 Kami bertemu dengan orang mengikut syarat mereka dan, di mana-mana tempat yang paling sesuai bagi mereka. Ada orang yang menjemput kami ke rumah mereka, terdapat juga yang berasa lebih selesa untuk bertemu di pusat komuniti, kafe tempatan, ataupun bilik mesyuarat di hotel atau perpustakaan. Semua perjumpaan dijalankan secara tertutup dan kami berhati-hati untuk menghormati amalan-amalan budaya dan agama mereka. Kami juga sentiasa peka terhadap trauma yang dialami oleh ramai orang.
- 20 Whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi yang kami temui datang dari lebih daripada 22 negara yang berbeza dan bertutur dalam lebih kurang 50 bahasa yang berbeza. Semua ini harus diambil kira sebelum bertemu dengan mereka.
- 21 Sesetengah whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi sudah bersedia dan rela bertemu dengan segera manakala yang lain pula memerlukan masa yang lebih banyak. Kami ingin menghormati whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi yang

sedang berada dalam kesedihan. Kami juga ingin memerhati amalan dan perayaan Musim dengan tepat, termasuklah tempoh Iddah, Ramadan, Eid al-Fitr, Dhul Hajjah, Eid al-Adha, Menunaikan Hajj dan Muhamarram.

- 22 Kami sentiasa belajar sepanjang proses ini dan kami tidak selalu menyelesaikan masalah dengan baik. Kami sangat menghargai maklum balas yang diterima apabila kami tidak menjalankan kerja dengan baik. Misalnya, tidak menyediakan perkhidmatan penterjemahan yang dapat memudahkan seseorang untuk berinteraksi dengan kami, ataupun penyusunan bilik yang menunjukkan ketidakseimbangan pengaruh. Maklum balas sedemikian membantu kami untuk mengubahsuaikan pendekatan kami agar memastikan orang lain berasa lebih selesa untuk berinteraksi dengan kami, dan mereka berada di ruangan yang selamat dimana suara mereka boleh didengari. Kami harap niat kami untuk berinteraksi dengan cara yang sesuai dan selamat adalah jelas, walaupun kadang-kala kami tidak dapat menjalankannya dengan baik.
- 23 Terdapat beberapa perkara yang ingin kami sampaikan semasa bertemu dengan mereka yang paling terkesan dalam serangan pengganas pada 15 Mac 2019. Kami mahu orang mempunyai peluang untuk berkongsikan kisah dan bukti mereka, dalam perkataan sendiri. Kami ingin mendengar pandangan mereka tentang apa sahaja yang terjadi sebelum serangan pengganas dan/atau buah fikiran mereka yang menyokong penyiasatan kami mengenai apa-apa yang perlu dilakukan oleh agensi-agensi sektor Awam untuk mencegah serangan pengganas sebegini berulang lagi.
- 24 Pendekatan kami secara keseluruhan adalah sentiasa bersedia untuk mendengar. Whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi menerajui perjumpaan-perjumpaan tersebut. Mereka berkongsi cerita mengenai kehilangan orang tersayang mereka, atau pengalaman mereka sendiri semasa serangan pengganas berlaku. Mereka bertanya mengenai Suruhanjaya Diraja, apakah itu, bagaimanakah cara operasinya, dan apakah kuasa yang ia ada untuk melakukan perubahan. Sesetengah orang yang kami bertemu sangat berwaspada semasa mengkritik pihak polis New Zealand, kerajaan atau agensi-agensi sektor Awam, melalui pengalaman mereka dengan pihak-pihak berkuasa di negara lain, dan khuatir bahawa apa-apa kritikan akan membawa kesan negatif kepada mereka. Terdapat juga orang yang berasa mereka tidak mendapat bantuan yang sepatutnya daripada agensi-agensi sektor Awam. Oleh itu, mereka meminta bantuan kami seperti dalam pencarian pekerjaan atau meminta pertolongan agar anggota-anggota whānau datang ke New Zealand untuk memberi sokongan. Memberi bantuan kepada orang yang sedang menghadapi cabaran-cabaran sebegini memang di luar bidang kuasa kami, tetapi jika mungkin dan sesuai, kami merujuk mereka kepada agensi-agensi sektor Awam yang relevan mahupun organisasi-organisasi yang mungkin dapat membantu mereka dalam perkara tersebut.

- 25 Sebahagian daripada apa yang kami dengar adalah di luar skop Syarat Rujukan kami. Walau bagaimanapun, Syarat Rujukan kami juga menghendaki kami untuk memberi jaminan kepada masyarakat New Zealand. Oleh itu, kami berpendapat bahawa adalah penting untuk mencatat isu-isu yang signifikan terhadap whānau terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi yang kami temui. Dokumen ini membuat rumusan tentang pelbagai pengalaman dan masalah-masalah bersama dengan cara-cara penyelesaiannya yang dibentangkan oleh whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi yang telah berinteraksi dengan kami.
- 26 Pertemuan kami dengan para whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi dijalankan secara tertutup. Itu bermakna perbincangan-perbincangan tersebut dirahsiakan antara mereka dan Suruhanjaya Diraja. Kami mendengar ucapan-ucapan penghargaan, pujian dan kesyukuran atas bantuan yang telah diberikan kepada whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi ini. Namun, kami juga dapat merasa kesedihan, trauma dan penderitaan mereka. Kami mengemukakan kisah-kisah dan pengalaman-pengalaman di sini dengan tujuan untuk memberi penghormatan kepada mereka. Kami melakukannya secara umum, selalunya tidak memetik ungkapan kata daripada individu-individu tertentu. Demi melindungi privasi, semua petikan telah dijadikan umum. Di mana terdapatnya petikan, ianya disebut secara am daripada penyampaian yang dimaklumkan kepada kami atas nama sebahagian besar whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi, berserta dengan pelbagai pandangan dan pengalaman. Walau bagaimanapun, kami menyedari bahawa petikan-petikan tersebut mungkin tidak mewakili semua whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi.
- 27 Kami memperakui sifat keterbukaan dan kesudian yang telah ditunjukkan oleh whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi untuk bercakap dengan kami, terutamanya dalam masa kesedihan tersebut. Perbualan dan penyampaian tersebut telah menguatkan proses kami dengan memastikan bahawa kami meletakkan 51 syuhada pada pusat tugas kami, dan dengan demikian mempelbagaikan kandungan laporan kami.
- 28 Kami telah menggunakan bahan ini, bersama dengan maklumat yang diperolehi melalui perjumpaan, temu bual dan penyelidikan, dalam menghasilkan laporan Suruhanjaya Diraja mengenai serangan pengganas yang berlaku di Masjid an-Nur dan Pusat Islam Linwood pada 15 Mac 2019.

Apa yang kami tanya kepada whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi

- 29 Kami tidak menetapkan soalan untuk whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi, sebaliknya kami memberi peluang kepada whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi untuk berkongsi kisah dan bukti dengan kata-kata mereka sendiri dan pada masa yang sesuai bagi mereka sendiri. Kami mengemukakan soalan untuk merangsang perbincangan jika diperlukan. Soalan-soalan yang dikemukakan disesuaikan dengan situasi setiap orang dan mengandungi pertanyaan seperti:
- kesan serangan pengganas terhadap mereka, whānau dan rakan-rakan;
 - kehidupan mereka di New Zealand sebelum serangan pengganas, termasuk:
 - i) pengalaman secara keseluruhan kehidupan mereka di New Zealand; dan
 - ii) adakah mereka mempunyai perasaan tidak selamat sebelum 15 Mac 2019, dan adakah mereka meminta pertolongan atau menimbulkan kegusaran;
 - apa yang seharusnya dilakukan oleh pihak kerajaan pada masa lalu untuk membantu mereka merasa lebih selamat, dan membantu orang lain untuk lebih menerima; dan
 - apa yang dapat dilakukan oleh pihak kerajaan (atau membuat lebih baik) pada masa depan untuk menjadikan New Zealand lebih selamat untuk semua orang dan mencegah serangan pengganas pada masa akan datang.



Bab 2: Kesan Serangan Pengganas

Kesan-kesan langsung serangan pengganas

- 1 Whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi yang kehilangan orang tersayang memberitahu kami bagaimana serangan pengganas itu mempengaruhi mereka. Mangsa-mangsa terselamat yang mengalami kecederaan fizikal akibat serangan pengganas, termasuklah mereka yang cuba melarikan diri, memberitahu kami tentang penyembuhan mereka yang perlahan. Ada yang mengalami kecederaan parah, termasuk mental dan fizikal, yang akan membawa kepada kesan jangka panjang.
- 2 Kami mendengar daripada orang-orang yang telah menjalani banyak pembedahan sebagai sebahagian daripada pemulihan fizikal mereka tetapi belum sembuh sepenuhnya. Sebilangan mangsa terselamat tidak akan dapat menggunakan semula anggota badan mereka dengan sepenuhnya. Mereka hidup dengan rasa sakit dan kebas yang berterusan daripada serpihan peluru yang tinggal di badan mereka. Terdapat juga sebahagian mangsa terselamat memerlukan rawatan sepenuh masa dan kemudahan tertentu di rumah mereka untuk menolong mereka terus menjalankan kehidupan bersama dengan kecederaan mereka.

Pada hari itu, bahagian atas kaki kanan saya telah ditembak atas dengan peluru, dan pecahan itu telah bergerak ke hati saya, menyebabkan kecederaan yang lebih mendalam dan ia masih ada pada badan saya. Baru-baru ini, saya telah mengalami sakit di perut... Pakar bedah memberitahu saya bahawa pecahan peluru telah berpindah dari tempat awalnya, ke dalam otot. Mereka memberitahu saya bahawa jika ia bergerak ke arah perut, mereka harus mempertimbangkan untuk mengeluarkannya, tetapi pada tahap ini ia adalah selamat untuk terus berada di dalam badan [saya].

- 3 Sebahagian besar mangsa terselamat tidak dapat kembali untuk bekerja dengan segera, dan ada yang terpaksa menukar pekerjaan atas kecederaan mereka. Walau bagaimanapun, banyak mangsa terselamat melaporkan bahawa majikan mereka menyokong dan memberi mereka masa yang cukup untuk memulihkan mereka. Beberapa mangsa tersebut kehilangan pekerjaan kerana mereka tidak lagi dapat menjalankan tugas mereka. Terdapat juga beberapa mangsa terselamat kehilangan perniagaan mereka.
- 4 Kami mendengar daripada whānau yang terkesan mengenai kesan-kesan dalam beberapa jam dan hari sejurus selepas serangan pengganas. Kami diberitahu tentang cabaran yang dihadapi mereka untuk mengesan orang yang mereka sayangi.

Seorang kenalan ibu bapa saya mengatakan bahawa dia pernah melihat [abang saya] di bilik pembedahan. ... Ibu dan Ayah bergegas ke hospital dengan berita ini dan setelah menunggu di luar Masjid Al-Noor selama empat jam, mereka kemudian menunggu di Hospital Christchurch selama enam jam lagi. Selepas ini, mereka diberitahu bahawa orang yang ditunggu mereka, pesakit nombor 13, bukan [saudara saya]. Mereka akhirnya dimaklumkan bahawa [saudara saya] masih belum dijumpai.

5 Banyak whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi yang kami temui merasakan bahawa proses untuk mengenal pasti identiti mangsa dan orang yang dirawat di hospital telah menambahkan lagi kesedihan mereka dan juga kesedihan yang tidak diperlukan. Sebilangan orang mengatakan bahawa mereka menerima maklumat yang bertentangan dan tidak konsisten daripada kakitangan hospital dan Polis New Zealand dalam 24 jam pertama selepas serangan pengganas. Dalam satu kes, seorang anggota whānau yang menyaksikan orang kesayangan mereka dibunuhi diberitahu oleh Polis New Zealand dan kakitangan hospital untuk tidak kehilangan harapan dan orang yang mereka sayangi dapat menerima rawatan di hospital lain. Harapan palsu ini telah menambahkan lagi kesedihan.

6 Orang yang kami temui kecewa dengan proses yang lama telah diambil untuk memindahkan orang tersayang mereka yang meninggal dunia dari tempat kejadian, dan proses mengenalpasti orang mereka sayangi diumumkan sebagai si mati secara rasmi. Dalam satu kes, kami diberitahu oleh seorang anggota whānau yang sangat rapat bahawa mereka membaca mengenai kematian orang tersayang mereka dalam artikel surat khabar tanpa makluman awal oleh Polis New Zealand.

7 Beberapa whānau yang terkesan juga kecewa kerana tidak diizinkan untuk masuk ke tempat kejadian untuk mencari orang yang mereka sayangi di bawah kawalan Polis New Zealand. Kami diberitahu bahawa ada yang menonton video serangan itu secara langsung oleh individu tersebut untuk menentukan sama ada orang yang mereka sayangi telah terbunuh ataupun adakah mereka dapat ditemui di hospital.

Antara kekurangan maklumat, komunikasi, dan akses ke masjid dan orang tersayang, dan penolakan polis untuk membenarkan kakitangan perubatan memasuki premis selama berjam-jam, mangsa terpaksa menerima dan mengingati kejadian itu sebagai tanda pengabaian dan kecuaian.

8 Orang juga kecewa tentang masa yang lama diambil untuk mengenal pasti orang yang dirawat di hospital. Mereka mempersoalkan bahawa adakah kekurangan pengalaman dan pemahaman tentang tradisi konvensyen penamaan Islam, dan variasi dalam pengejaan nama Islam mungkin telah menyumbang kepada kelewatan ini. Ini juga menimbulkan kekeliruan bagi anggota whānau yang berusaha mencari orang tersayang dan memahami apa yang telah berlaku kepada mereka.

9 Setiap orang yang kami temui, sama ada mereka ialah whānau yang terkesan, mangsa terselamat atau saksi-saksi serangan pengganas, telah mengalami beberapa bentuk masalah dari segi psikologi, seperti kemarahan, ketakutan, tekanan, kemurungan, kegelisahan, paranoia dan/atau rasa bersalah dalam hati mangsa terselamat. Banyak orang telah menerima, atau masih menerima, kaunseling atau sokongan psikologi lain dan memerlukan sokongan berterusan. Sebahagian orang mengatakan bahawa pasangan dan anak-anak mereka juga mengalami masalah psikologi.

- 10 Banyak whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi yang kami temui mengalami kesukaran untuk tidur dengan alasan seperti ketakutan terhadap mimpi yang mungkin mereka alami atau menjadi terdedah semasa mereka tidur. Pengalaman dalam melihat saat-saat terakhir hidup mangsa sangat menghantui. Kami mendengar banyak contoh mimpi ngeri dan bayangan menakutkan yang dialami oleh mangsa secara berkala, dan kami diberitahu:
- ...lebih baik untuk terus berjaga, bercakap dengan orang lain daripada tidur dan mengalami mimpi buruk.*
- 11 Kami mendengar daripada ibu bapa kanak-kanak yang terselamat dalam serangan pengganas, selalunya kerana mereka dapat melarikan diri dari masjid, telah menjadi tidak sama semenjak itu. Beberapa kanak-kanak telah menunjukkan perubahan tingkah laku, tidak mahu bersekolah atau terus trauma terhadap suara yang kuat. Seorang daripada ibu bapa memberitahu kami bahawa mereka merasa telah kehilangan anak mereka, walaupun anak mereka telah terselamat daripada serangan fizikal pengganas tersebut.
- 12 Ada yang menunjukkan keprihatinan kepada kami mengenai kesan jangka panjang terhadap kanak-kanak, memberikan pandangan bahawa mereka mungkin menimbulkan kemarahan tentang apa yang telah berlaku. Kami diberitahu bahawa adalah penting untuk berinteraksi dengan kanak-kanak Muslim di Christchurch serta memberi sokongan praktikal kepada mereka sepanjang pemulihan jangka panjang hasil kesan dari serangan pengganas.
- 13 Kami diberitahu bahawa beberapa saksi serangan pengganas yang tidak mengalami kecederaan fizikal tidak diberi pertolongan sehingga bantuan pihak ketiga datang untuk menolong. Orang lain yang telah berusaha untuk mendapatkan bantuan telah diberitahu bahawa mereka tidak layak dan / atau tidak digolongkan oleh agensi-agensi sektor Awam atau organisasi-organisasi bukan kerajaan sebagai mangsa serangan pengganas. Kami mendengar daripada sebilangan orang mengenai perbezaan dalam memenuhi syarat untuk mendapatkan pelbagai jenis bantuan, yang merupakan isu yang akan kami bincangkan lebih lanjut di bawah.

Kesan-kesan Sampingan


- 14 Whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi yang terkesan berkongsi dengan kami pelbagai kesan sampingan yang mempengaruhi kehidupan mereka dengan ketara. Hubungan beberapa orang (dengan pasangan, suami dan rakan) terkesan. Ini berpunca daripada isu-isu seperti pandangan yang berbeza dalam whānau mengenai pembahagian bantuan kewangan yang diberikan oleh kerajaan atau beban yang dipikul oleh pembantu orang kesayangan. Adalah biasa bagi whānau untuk datang dari luar negara untuk membantu orang tersayang yang terselamat dari serangan pengganas. Ini boleh membawa kesan buruk dan kami mendengar yang ia:

...boleh memudaratkan ahli keluarga yang mempunyai kerjaya yang cemerlang dan kehidupan yang stabil dan mewah di luar negara. Di [New Zealand] kelayakan dan pengalaman kerja mereka mungkin tidak akan diiktiraf dan dalam jangka masa panjang ini akan memberi tekanan terhadap satu unit keluarga yang sudah rentan.

- 15 Bagi banyak whānau yang kami temui, suami telah terbunuh atau cedera parah. Bagi sebilangan wanita dalam whānau ini, kesannya melampaui kesan emosi yang mengerikan daripada serangan pengganas. Bagi ramai orang, ini bermaksud kehilangan pendapatan utama untuk whānau. Sebilangan wanita memainkan peranan yang baharu dalam whānau dan belajar kemahiran baharu seperti memandu atau celik kewangan. Pada masa yang sama, wanita-wanita ini memikul lebih banyak tanggungjawab keibubapaan, sambil menangani kesedihan dan keperluan pemulihian mereka sendiri. Ini menghadkan masa dan kemampuan mereka untuk mencari sokongan untuk diri sendiri serta mencari pekerjaan atau pengajian yang dibayar.
- 16 Sebilangan orang menderita dalam kematian atau penyakit lain dalam whānau terdekat mereka sebaik selepas 15 Mac 2019, yang mereka menganggapnya sebagai kesan serangan pengganas. Kami mendengar daripada satu whānau di mana dua orang tersayangnya mengalami serangan jantung beberapa bulan selepas 15 Mac 2019, dan salah seorangnya telah meninggal. Dalam kedua-dua kes ini, whānau mengaitkan serangan jantung dengan tekanan yang disebabkan oleh serangan pengganas. Seorang lagi mangsa yang terselamat telah kehilangan suaminya akibat kemalangan jalan raya pada beberapa hari selepas 15 Mac 2019. Dia menceritakan bahawa trauma yang dialami suaminya kerana rakan-rakannya telah terbunuh dalam serangan pengganas tersebut, yang menyebabkannya kurang tidur. Kepenatan dan keletihan yang berhasil dianggap telah menyumbang kepada kemalangan tersebut.

Sokongan daripada komuniti New Zealand yang lebih luas

- 17 Sebahagian orang melaporkan bahawa mereka didorong oleh sokongan daripada warga New Zealand yang bukan beragama Islam. Ramai yang berbicara tentang budi baik yang mereka lihat dan / atau terima daripada orang di seluruh negara setelah serangan pengganas berlaku. Ada yang berasa bahawa perkara ini memberi peluang untuk meningkatkan keserasian sosial, perpaduan dan hubungan antara komuniti.
- 18 Kami mendengar rasa kesyukuran atas sokongan yang ditunjukkan oleh rakan-rakan dan jiran-jiran, dan seorang whānau mengatakan bahawa ini telah memberikan dorongan yang mereka perlukan untuk terus tinggal di New Zealand pada masa mereka sedang mempertimbangkan untuk pindah selepas serangan pengganas. Terdapat harapan bahawa sokongan yang ditunjukkan oleh warga New Zealand akan berterusan, dan tidak akan dilupakan, seiring dengan perjalanan masa.



Adalah sangat penting untuk mendengar secara aktif, menyokong dan berinteraksi dengan berkesan - ketiga-tiganya tidak dapat dipisahkan - dengan komuniti yang terkesan, yang mana, dapat memberikan mereka perkhidmatan dan sokongan yang sesuai.

Mendapatkan sokongan yang tepat daripada agensi-agensi sektor Awam merupakan sesuatu perkara yang mencabar

- 19 Di samping penghargaan atas rasa empati dan sokongan daripada warga New Zealand, kami mendengar banyak kekecewaan yang berkaitan dengan pengalaman whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi ketika berurusan dengan agensi-agensi sektor Awam untuk mendapatkan bantuan. Tema umum ialah kekurangan pemahaman budaya, kekurangan upaya untuk menambah baik kemampuan budaya dan polisi dan langkah-langkah yang tidak cukup pragmatik untuk mendukung keperluan pemulihan mereka yang terkesan daripada peristiwa yang luar biasa ini.

Kekurangan pemahaman budaya

- 20 Ramai orang yang kami temui telah memerhatikan bahawa terdapat kekurangan pemahaman budaya mengenai kepercayaan dan adat masyarakat Muslim oleh kakitangan di agensi-agensi sektor Awam.

Keluarga mangsa telah ditawarkan perkhidmatan yang transaksional, berjangka pendek dan berpandangan singkat. Tidak ada keinginan untuk memahami bagaimana komuniti mangsa berfungsi, atau untuk mengenali kerumitannya dan pengalaman emosi dan ingatan yang terdapat dalam kisah mereka.

- 21 Kami diberitahu bahawa kejurangan ini tidak diperakui dan sedikit sahaja, jika ada, usaha yang telah dilakukan oleh agensi-agensi sektor Awam yang relevan untuk mengatasinya.

Daripada menghadapi cabaran dengan memperbaiki perkhidmatan dan mengikuti latihan kompetensi budaya dan agama, agensi-agensi samada tidak mengambil latihan atau bergantung kepada orang-orang dalam komuniti Muslim yang tidak mempunyai kepakaran dalam bidang latihan kompetensi etnik dan agama untuk membimbing mereka, sebagai mempamerkan tanda responsif mereka.

- 22 Kami mendengar bahawa perkhidmatan dan bantuan yang ditawarkan oleh agensi-agensi sektor Awam dan organisasi-organisasi bukan kerajaan sering tidak memperakui sifat masyarakat Muslim yang pelbagai dan oleh itu tidak mengambil kira keperluan mereka yang berbeza. Lebih dari 50 negara yang diwakili oleh mereka yang menghadiri Masjid an-Nur dan Pusat Islam Linwood. Terdapat halangan bahasa dan budaya yang, seperti yang diberitahu kepada kita, menjadikan persekitaran yang sudah rumit lagi mencabar untuk berinteraksi dengan agensi-agensi sektor Awam. Kami mendengar bahawa:

...setahun selepas serangan, keluarga-keluarga masih menunggu untuk mendapat perkhidmatan yang cukup responsif dari segi budaya dan bahasa dan yang dapat memenuhi keseluruhan keperluan kompleks mereka.

- 23 Beberapa whānau berpendapat bahawa tidak ada interaksi yang tulen untuk memahami keperluan mereka; budaya, fizikal, kesejahteraan psikologi dan sebagainya. Akibatnya, mereka merasakan cara agensi-agensi sektor Awam memberikan bantuan pemulihan tidak selalu menjadi langkah terbaik dan mereka ditinggalkan persepsi bahawa sektor Awam mempunyai sikap diskriminasi terhadap mereka.
- 24 Perjumpaan yang diadakan oleh agensi-agensi sektor Awam kadang-kadang tidak mempunyai jurubahasa atau bahasa yang relevan tidak ditawarkan. Kami juga diberitahu bahawa ini merupakan kes bagi beberapa whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi ketika mereka ditemu bual oleh Polis New Zealand semasa siasatan mereka terhadap serangan pengganas. Whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi perlu bergantung pada anggota whānau lain untuk memahami soalan polis. Kami diberitahu bahawa perkara ini telah memburukkan lagi trauma bagi whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi dan anggota whānau mereka yang melakukan terjemahan kepada mereka.
- 25 Kami juga diberitahu bahawa kekurangan penterjemah yang mahir menambahkan lagi cabaran yang dihadapi oleh beberapa orang dalam memahami pilihan bantuan yang tersedia untuk mereka dan bagaimanakah cara untuk mengaksesnya. Dalam beberapa kes, ini bermaksud bahawa orang-orang bergantung pada ahli-ahli whānau lain untuk menterjemahkan kepada mereka apa yang dikatakan oleh agensi-agensi sektor Awam, dan kami diberitahu tentang keadaan di mana ada yang berpendapat bahawa anggota whānau mereka bersikap tidak saksama atau mungkin tidak menyampaikan semua maklumat yang relevan.
- 26 Kami juga mendengar daripada banyak whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi yang kami temui bahawa mereka menghadapi cabaran untuk mendapatkan visa kemasukan baharu atau melanjutkan visa untuk ahli-ahli whānau yang telah datang ke New Zealand untuk menolong mereka kembali ke kehidupan asal. Sebagai contoh, wanita yang kehilangan suami dan hanya mempunyai whānau yang tinggal di luar negara, mendapati bahawa mereka biasanya akan ditawarkan visa jangka pendek untuk datang ke New Zealand untuk membantu mereka. Ini tidak seiring dengan keperluan jangka panjang mereka untuk mendapatkan bantuan daripada whānau dalam pemulihannya.
- 27 Orang ramai juga prihatin dengan syarat seseorang yang telah berada di New Zealand pada 15 Mac 2019 untuk memenuhi syarat untuk mendapatkan visa yang telah disediakan oleh kerajaan untuk mereka yang membantu. Beberapa menyatakan kekecewaan bahawa mereka tidak diberi elauan semasa keadaan luar biasa tersebut.

Polisi and Langkah-langkah yang tidak cukup pragmatik untuk menyokong keperluan pemulihan

- 28 Kami telah banyak mendengar tentang bagaimana agensi-agensi sektor Awam berinteraksi dengan whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi. Sementara orang-orang mempunyai komen dengan sokongan yang besar yang diberikan daripada masyarakat dan agensi-agensi sektor Awam setelah serangan pengganas, kami juga diberitahu bahawa agensi-agensi sektor Awam tidak dikoordinasi dan tidak fleksibel.
- 29 Kedengaran daripada beberapa whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi, kami mengetahui tentang pengalaman dalam pemulihan mereka yang telah trauma semula dan/atau telah menambahkan tekanan. Kami diberitahu bahawa:

...jika trauma menyebabkan ketidakupayaan seseorang untuk bercakap; ketidakmampuan untuk mengartikulasikan, memahami, dan menyebabkan rasa kehilangan, kemudian dalam banyak hal pengalaman selanjutnya dengan agensi-agensi kerajaan dalam beberapa bulan sejak serangan telah banyak dilakukan untuk proses trauma semula, kerana mereka telah merumuskan bahawa mangsa terselamat tidak berupaya untuk pulih.

- 30 Kami mendengar bahawa cara agensi-agensi sektor Awam berurusan dengan whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi serangan pengganas telah membuat mereka berasa tidak berupaya dan menambah kesulitan yang mereka hadapi.

Pada masa ini, sebilangan besar mangsa berasa terkilan dan terganggu oleh kelangsungan hidup mereka sendiri dari hari ke hari, sama ada dari segi kewangan atau emosi. Ini disebabkan oleh cara perkhidmatan yang diberikan telah dilucutkan dan ketiadaan pembangunan semula atau pemulihan jangka panjang - ketiadaan kedua-dua sokongan materi untuk pembangunan semula komuniti dan sokongan yang menangani sentimen penyerang melalui maklumat atau kesedaran mengenai iman dan masyarakat mereka.

- 31 Kami diberitahu bahawa tujuan pernyataan impak mangsa tidak dijelaskan kepada whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi dengan secukupnya. Banyak yang memberitahu kami bahawa mereka memerlukan bantuan dari segi bahasa tetapi kakitangan mahkamah Kementerian Kehakiman tidak memberikan jurubahasa untuk membantu mereka dalam proses menjatuhkan hukuman. Ini menyebabkan beberapa whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi tidak terlibat dalam proses tersebut. Salah seorang yang kami bercakap dengan memberitahu kami bahawa proses itu pada awalnya mendorong mereka untuk fokus kepada kesan negatif serangan pengganas terhadap mereka, yang tidak memberi apa-apa kuasa. Kenyataan yang akhirnya mereka buat di mahkamah bukan merupakan suatu pemeriksaan, yang tidak berdasarkan piawaian yang dibekalkan kepada mereka.

- 32 Beberapa whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi terkeliru mengenai perbezaan antara kenyataan impak mangsa dan kenyataan awal yang mereka berikan kepada Polis New Zealand semasa siasatan polis terhadap serangan pengganas itu.

Kekurangan koordinasi antara agensi-agensi sektor Awam

- 33 Beberapa agensi sektor Awam telah terlibat dalam menyokong pemulihan mereka yang terselamat dalam serangan pengganas atau yang kehilangan orang tersayang. Whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi yang telah berurusan dengan agensi-agensi ini, khususnya Accident Compensation Corporation, Kementerian Pembangunan Sosial, dan Victim Support, memberitahu kami tentang pertindihan sokongan dan perkhidmatan mereka, serta jurang, dan kekurangan koordinasi antara agensi-agensi.

Kekurangan penjagaan disebabkan oleh kekurangan koordinasi. Ia bukan hanya satu atau dua mesyuarat, atau satu atau dua agensi, tetapi kesemuanya, dan pada masa yang sama.

- 34 Ini telah menambahkan tekanan terhadap whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi kerana mereka selalunya harus mengulangi kisah kesedihan mereka berulang kali, dan ada yang perlu terus berbuat demikian selama lebih 18 bulan setelah serangan pengganas berlaku.

- 35 Kesukaran untuk berurusan dengan beberapa agensi sektor Awam diburukkan lagi dengan kurangnya perkongsian maklumat antara agensi-agensi berkaitan, dan keengganan untuk mencari penyelesaian masalah yang pragmatik untuk mengatasi keperluan luar biasa yang dikemukakan.

Agensi-agensi bekerja secara bersendirian dan enggan berkongsi maklumat antara satu sama lain, memaksa mangsa untuk berurusan dengan beberapa orang yang berbeza dalam agensi yang sama. Ia menjadi jelas bahawa agensi kerajaan menggunakan Akta Privasi 1993 sebagai alasan untuk tidak saling berkongsi maklumat antara satu sama lain

- 36 Sebahagian orang berpendapat bahawa lebih baik whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi yang terlibat untuk berurusan dengan satu agensi sektor Awam sahaja.

- 37 Kami diberitahu bahawa cabaran ini sering kali lebih mencabar bagi bekas pelarian dan pendatang whānau, mangsa terselamat dan saksi-saksi.

Komuniti-komuniti ini kurang dapat menavigasi hala yang berselirat agensi-agensi sektor [Awam] semasa atau memahami halangan-halangan institusi yang ada terhadap individu-individu yang terlibat dengan kerajaan, termasuk sejumlah besar polisi yang mereka cadangkan untuk memperolehi hak yang berbeza sebagai mangsa.

- 38 Bersama dengan kekurangan pemahaman budaya yang telah disebut di atas, ada yang berpendapat bahawa sokongan yang diberikan tidak bersesuaian dengan keperluan bekas pelarian dan pendatang whānau, mangsa terselamat dan saksi-saksi.
- 39 Keprihatinan yang sering diungkapkan adalah bahawa agensi-agensi sektor Awam dan organisasi-organisasi bukan kerajaan tidak mempunyai definisi atau kriteria kelayakan yang sama bagi mereka yang diiktiraf sebagai mangsa, dan tidak mengira dinamika budaya. Sebagai contoh, sementara istilah Akta Hak Mangsa 2002 mengenai keluarga terdekat merangkumi "kumpulan keluarga yang dikenali secara budaya", kelayakan untuk mendapatkan bantuan sering kali melibatkan tafsiran keluarga yang lebih ketat.

Konsep Barat keluarga nuklias diterima oleh agensi-agensi dan kebanyakannya tidak menerima kumpulan keluarga yang sesuai dan dikenali secara budaya.

- 40 Kami diberitahu tentang kesan interpretasi keluarga pada sektor Awam terhadap kemampuan seseorang untuk mengakses perkhidmatan bantuan kerajaan, terutama dari segi kekeliruan dan tidak konsisten dalam perkhidmatan bantuan yang ditawarkan. Semua ini mengakibatkan masalah perubatan, psikologi dan isu-isu pekerjaan bagi beberapa whānau yang sudah berada dalam posisi yang terdedah sebelum serangan pengganas.
- 41 Kami juga mendengar bahawa kriteria aplikasi yang tidak konsisten bagi mereka yang diiktiraf sebagai mangsa. Secara khusus, kami diberitahu bahawa tahap bantuan yang ditawarkan kadang-kadang berbeza bergantung pada individu pekerja sektor Awam yang menawarkannya dan juga bahawa beberapa orang telah menerima perkhidmatan yang berbeza sementara mereka mengalami kemerosotan yang serupa. Ini telah menimbulkan persepsi bagi sesetengah pihak bahawa agensi-agensi sektor Awam dan organisasi-organisasi bukan kerajaan membuat hierarki atau senarai keutamaan terhadap mangsa, dalam beberapa kes menyebabkan rungutan dan hubungan yang tegang.
- 42 Beberapa whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi mengatakan bahawa terdapat ketidaksamaan antara apa yang dijanjikan oleh Menteri secara terbuka dengan realiti bagaimana kakitangan agensi sektor Awam menangani situasi individu tersebut. Kami diberitahu mengenai agensi sektor Awam yang menjanjikan bantuan tertentu tetapi kemudian tidak menunaikannya, selalunya tanpa memberikan penjelasan yang mencukupi. Permintaan bantuan ditolak kadang-kadang tanpa memberi peluang kepada whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi untuk membekalkan lebih banyak maklumat ataupun tanpa penjelasan tentang mengapa keputusan penolakan tersebut dibuat.

Kekurangan fleksibiliti dalam pendekatan

- 43 Walaupun ramai orang menunjukkan kesyukuran terhadap bantuan yang mereka terima, kami telah mendengar bahawa dalam beberapa kes, bantuan kerajaan yang tersedia bagi mereka yang terkesan dalam serangan pengganas adalah tidak mencukupi, atau mereka yang memenuhi syarat selalunya tidak sedar akan hak mereka. Kegusaran yang disampaikan

¹ Sesyen 4, Akta Hak Mangsa 2002

kepada kami adalah pendekatan sektor Awam "satu ukuran yang sesuai dengan semua" untuk pemulihan telah dilaksanakan dan ianya tidak mencukupi.

Walaupun agensi ini mempunyai maksud yang baik, mangsa melaporkan pelbagai cabaran: kewangan, perubatan, fizikal, emosi dan rohani. ... Pesanan yang berulang dalam laporan mangsa adalah pihak kerajaan tidak tersusun baik untuk memahami dan menangani keperluan mereka.

- 44 Kami mendengar bahawa kebanyakan bantuan yang ditawarkan oleh agensi-agensi sektor Awam tertumpu pada bantuan jangka pendek, yang tidak mengambil kira, dengan cara yang sesuai dengan budaya, untuk keperluan berterusan dan jangka panjang masyarakat yang sangat terkesan akibat serangan pengganas. Sebagai contoh, kami diberitahu bahawa pemulihan perlu merangkumi inisiatif pembangunan komuniti jangka panjang yang akan membolehkan komuniti ini dapat berdikari dan tidak bergantung kepada pihak kerajaan. Ini boleh merangkumi inisiatif seperti pinjaman tanpa faedah (yang merangkumi larangan agama atas faedah yang dikenakan) untuk menyokong perniagaan mereka, dan bukannya perniagaan perlu bergantung pada bantuan kewangan jangka pendek daripada agensi-agensi sektor Awam.
- 45 Sebahagian orang merasakan bahawa Accident Compensation Corporation tidak mempunyai fleksibiliti yang cukup dalam sistemnya untuk peristiwa seperti ini, dan tidak mempertimbangkan komplikasi yang disebabkan oleh kecederaan senjata api, seperti serpihan peluru dan kerosakan saraf. Sebagai contoh, seorang yang terselamat kecawa kerana ketidaksamaan antara jangkaan Accident Compensation Corporation dan nasihat perubatan yang mereka terima mengenai pemulihan mereka. Mangsa terselamat merasa tertekan untuk kembali bekerja sepertimana saranan Accident Compensation Corporation walaupun ada nasihat perubatan bahawa mereka tidak dapat melakukannya.
- 46 Sentimen sebegini dikongsi mengenai agensi-agensi sektor Awam yang lain. Sebagai contoh, sebilangan wanita yang suami mereka merupakan hanya satu-satunya orang yang berpendapatan mengatakan bahawa mereka merasa tertekan oleh Kementerian Pembangunan Sosial untuk menempatkan anak-anak prasekolah mereka dalam jagaan orang lain agar mereka dapat mencari pekerjaan.
- 47 Kami mendengar bahawa isu imigresen yang perlu dipertimbangkan berdasarkan kes demi kes memandangkan kerumitan yang berkaitan dengan keadaan setiap individu whānau. Ini terutama menjadi isu bagi anggota masyarakat Somalia yang kehilangan orang tersayang atau terselamat daripada serangan pengganas tersebut. Kami mendengar bahawa walaupun ada langkah-langkah yang dilakukan oleh pihak imigresen untuk membantu mereka yang paling terkesan dalam serangan pengganas, whānau Somalia menghadapi cabaran tertentu, oleh kerana New Zealand tidak mengiktiraf pasport Somalia sebagai dokumen perjalanan yang sah (walaupun diterima oleh beberapa agensi sektor Awam untuk tujuan pelarian). Ini menyukarkan mereka untuk menerima sokongan daripada whānau Somalia, dan dalam beberapa kes, whānau masih menantikan perkembangan tersebut.

- 48 Sebahagian orang memberikan cadangan agar pihak Imigresen New Zealand dapat membuat visa masuk khas untuk whānau yang melakukan perjalanan masuk dan keluar dari New Zealand untuk tujuan sokongan secara jangka sederhana hingga jangka panjang, untuk mengurangkan beban pentadbiran bagi mereka yang sedang berduka.
- 49 Kami juga diberitahu bahawa kekurangan bantuan yang sedia ada untuk whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi yang berkaitan dengan sistem keadilan jenayah. Ini digambarkan sebagai:
- ...trauma yang berleluasa telah dikecualikan daripada proses jenayah dan tidak mempunyai maklumat atau merasakan penglibatan yang bermakna dalam proses ini.*
- 50 Kami mendengar kekecewaan dan hilangnya harapan dan keyakinan terutama disebabkan oleh kekurangannya perakuan mangsa dalam proses keadilan jenayah, dan perasaan bahawa suara hati mereka tidak didengari. Isu dan keimbangan yang mempengaruhi whānau, mangsa terselamat dan saksi-saksi dalam kes khusus ini dilihat oleh beberapa pihak sebagai contoh isu-isu yang dihadapi oleh mangsa secara lebih meluas dalam sistem keadilan jenayah New Zealand. Ada keluhan bahawa ketidaksamaan antara prinsip hak-hak mangsa seperti yang dinyatakan dalam Kod Mangsa², dengan pengalaman mangsa terhadap sistem keadilan jenayah termasuk trauma yang berulang.
- 51 Beberapa whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi mengatakan kepada kami bahawa berlakunya intimidasi ketika mereka menghadiri mahkamah pada suatu kali, kerana ada seorang berdiri di luar mahkamah dan memberikan pandangan supremasi kulit putih ketika whānau dan mangsa terselamat memasuki mahkamah.
- 52 Terdapat beberapa orang memberitahu kami bahawa ketika keperluan pemulihan telah dipertimbangkan, agensi-agensi sektor Awam tidak memperhitungkan keperluan pemulihan mereka yang menyaksikan serangan pengganas tetapi tidak mengalami kecederaan fizikal. Kami telah mendengar tekanan pasca-trauma yang dialami oleh ramai saksi-saksi ini, dan mereka merasakan bahawa mereka mendapat sokongan yang tidak mencukupi kerana keadaan mereka tidak bersesuaian dengan definisi agensi-agensi sektor Awam mengenai mangsa.

Kekurangan kesedaran kakitangan

- 53 Sebahagian orang merasakan bahawa kekurangan kepekaan dan kesedaran daripada agensi-agensi sektor Awam yang seharusnya memberi bantuan dan mereka kelihatan tidak berpengalaman dalam mengurus orang yang menghadapi trauma. Kami diberitahu mengenai:

... perlunya agensi-agensi dan organisasi-organisasi lebih "mempunyai kesedaran akan keperluan emosi" mangsa.

² Kod Mangsa menetapkan bagaimana anda boleh dilayani ketika anda menjadi mangsa jenayah - <http://www.victimsinfo.govt.nz/support-and-services/victims-rights/victims-code-full-text-version/>

- 54 Ini menjadi jelas bagi beberapa whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi ketika mereka bertemu dengan agensi-agensi sektor Awam dan merasakan bahawa kakitangan tidak responsif sekiranya mereka atau whānau mereka kelihatan terbeban. Sebilangan orang diberikan maklumat yang membanjiri pada ketika mereka tidak dapat memproseskannya dengan betul:

...di mana sepatutnya ada yang mendengar secara aktif, di sana ada banyak maklumat; di mana sepatutnya ada advokasi di sana ada mesyuarat yang tiada berkesudahan.

- 55 Hal ini telah menimbulkan persoalan terhadap adakah kakitangan agensi-agensi sektor Awam dilatih dengan baik dalam menangani orang yang mengalami trauma.



Bab 3: Kehidupan di New Zealand sebagai seorang Islam

- 1 Ramai whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi yang kami temui berpindah ke New Zealand dari luar negara. Tempoh masa mereka tinggal di sini antara beberapa bulan sehingga beberapa dekad. Bagi beberapa orang, ini bermaksud pengalaman mereka di New Zealand adalah berdasarkan perbandingan dengan tempat asal mereka.

Sebahagian besar mangsa mengalami trauma antara generasi, dari mana mereka melarikan diri ke New Zealand dan telah kehilangan atau meninggalkan orang kesayangan yang mereka dan, secara tidak langsung, telah mengurangkan atau tidak ada sistem sokongan untuk mengurangkan trauma tersebut.

- 2 Kami bercakap dengan beberapa whānau terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi yang dilahirkan di New Zealand dan dibesarkan sebagai Muslim dan dengan itu mereka tidak mempunyai pengalaman peribadi mereka untuk membuat perbandingan. Kami juga bercakap dengan orang-orang yang dilahirkan di New Zealand yang telah memeluk Islam.

New Zealand dipandang positif secara umumnya, tetapi semangat perkauman dan diskriminasi kaum meluas dan wujudnya Islamofobia

- 3 Whānau, mangsa-mangsa terselamat dan saksi-saksi yang paling terkesan mengatakan bahawa pengalaman mereka terhadap warga New Zealand dan negara New Zealand sebelum serangan pengganas pada 15 Mac 2019 pada umumnya adalah positif. Mereka mengatakan bahawa New Zealand memberikan mereka perasaan aman dan damai, dan mereka tidak pernah menyangka serangan pengganas seperti itu boleh berlaku di sini. Mereka merasakan bahawa banyak warga New Zealand sangat rahmah dan terbuka. Kami mendengar tentang jiran yang rahmah dan mesra. Kami mendengar kisah-kisah tempat kerja yang melakukan penyesuaian dengan amalan dan keperluan agama mereka, seperti membolehkan mereka mengambil cuti untuk menghadiri solat Jumaat dan juga menyediakan tempat untuk bersolat pada waktu bekerja.
- 4 Walaupun terdapatnya pengalaman yang positif sebegini, hampir semua orang yang kami temui secara peribadi telah mengalami insiden perkauman atau diskriminasi atau mengetahui bahawa whānau dan rakan-rakan yang pernah mengalami masalah tersebut. Satu perspektif yang dikongsi dengan kami adalah bahawa serangan pengganas pada 15 Mac 2019 adalah:

...berbeza dengan arus perdana di mana serangan itu dilihat sebagai kemuncak, dan bukannya pengecualian, kehidupan seharian umat Islam.

- 5 Dengan bertudung sebagai penanda keimanan yang dapat dilihat, wanita Islam sering mendapati bahawa mereka sendiri mengalami kes perkauman atau diskriminasi, lebih lagi daripada lelaki. Banyak wanita bertudung yang kami berjumpa melaporkan bahawa mereka mengalami gangguan jalanan dan ada yang mengatakan bahawa mereka bimbang akan whānau dan rakan mereka yang berhijab. Beberapa wanita yang bertudung mengatakan

bahawa mereka berasa lebih takut untuk keluar sendiri. Mereka memberitahu kami bahawa setelah serangan pengganas berlaku, mereka menghindari ke tempat awam dan melakukan rutin harian mereka, seperti menjalankan anak-anak mereka ke sekolah atau berjalan kaki pada waktu petang. Seorang wanita memberitahu kami bahawa dia sekarang memakai baju sejuk bertudung ketika pergi ke tempat awam untuk menyembunyikan tudungnya.

- 6 Sebahagian ibu bapa memberitahu kami tentang pembulian atau komen yang menyakitkan hati yang telah dialami oleh anak-anak mereka di sekolah atau ketika berada di kawasan kejiranannya. Banyak orang yang kami temui telah dilontarkan komen yang rasis atau kebencian terhadap mereka oleh pemandu yang lalu. Sebilangan orang meletakkan pengalaman tersebut sebagai salah faham terhadap kepercayaan umat Islam, namun begitu ianya pengalaman yang menyakitkan.
- 7 Beberapa orang melaporkan bahawa mereka mengalami diskriminasi di tempat kerja, atau semasa mencari pekerjaan. Mereka menyatakan kekecewaan kerana tidak dapat mencari pekerjaan, walaupun telah memenuhi syarat untuk jawatan tersebut. Mereka mengaitkan ini dengan faktor mereka tidak mempunyai nama Inggeris tradisional. Sebilangan yang telah memohon sejumlah besar pekerjaan yang setanding dengan kelayakan mereka berpendapat bahawa jumlah tawaran wawancara yang sangat terhad yang mereka terima adalah disebabkan oleh prejedis. Kami mendengar daripada seorang wanita yang mula menerima permintaan untuk wawancara hanya setelah menukar namanya menjadi nama Inggeris tradisional untuk tujuan permohonan pekerjaan.
- 8 Beberapa orang yang kami temui mengatakan bahawa mereka telah melaporkan kes rasis kepada Polis New Zealand, tetapi perkara ini tidak menghasilkan kesan yang positif. Kemungkinan laporan itu tidak direkodkan secara formal, ataupun mereka merasa Polis New Zealand tidak memandang serius terhadap kejadian tersebut. Mereka tidak mendapat maklum balas dari Polis New Zealand mengenai apa yang telah dibuat sebagai tindakan lanjut terhadap laporan mereka. Bagi sesetengah orang, ini telah menjelaskan keyakinan mereka terhadap Polis New Zealand, menimbulkan keraguan bahawa adakah Polis New Zealand akan bertindak apabila laporan telah dibuat. Pengalaman seperti itu mengurangkan dorongan terhadap orang-orang untuk membawa keimbangan mereka lebih lanjut kepada perhatian pihak Polis New Zealand. Kami diberitahu bahawa:

... kedua-dua masjid yang terkesan bersatu bahawa walaupun terdapat banyak laporan mengenai tingkah laku yang mencurigakan di dalam dan di sekitar masjid telah dilaporkan, polis tidak memberikan perhatian yang cukup... Bagi orang-orang dalam kalangan masyarakat, ini dianggap sebagai pengabaian amanah yang diberi untuk melindungi, serta kegagalan untuk mengakui bahawa umat Islam adalah dan telah mengalami diskriminasi, menjadi kambing hitam, mengalami ancaman ekstremis kanan dan ancaman oleh golongan supremasi kulit putih, dan oleh itu seharusnya memerlukan perhatian, responsif, dan kewaspadaan daripada pihak polis.

- 9 Dalam kes lain, ada orang mengatakan bahawa mereka tidak ingin untuk melaporkan kejadian rasis kerana mereka telah melihat orang lain dalam masyarakat berbuat demikian, tetapi tiada hasil yang positif. Satu orang menyatakan kepada kami seperti berikut:

...sekarang tidak ada komunikasi sebegini kerana kami merasa seperti kami adalah komuniti kelas kedua. Mereka memberikan kami perasaan seperti ini, dan kami tidak mendapat kepercayaan daripada pihak polis. Ada beberapa ketika anda ingin pergi mencari orang lain jika anda tidak mempercayai mereka. Terdapat titik di mana anda bahkan tidak mempercayai mereka dan anda mula berasa seperti jika ada sesuatu buruk yang akan berlaku, apa gunanya pergi ke polis? Ketika itulah ia menjadi sangat merbahaya kerana anda tahu ada perkara buruk yang akan berlaku tetapi kerana perasaan itu dan ketidakpercayaan antara polis, jurang besar antara anda dengan pihak berkuasa dan anda menjauhkan diri anda dengan orang-orang yang sebenarnya dapat melindungi anda dan mencegahnya. Oleh itu, bagaimana kita membina kepercayaan terhadap mereka dan merapatkan jurang agar tidak mempunyai perasaan seperti warga kelas kedua?

- 10 Beberapa whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi melaporkan bahawa pengalaman mereka di New Zealand telah berubah sejak 15 Mac 2019. Walaupun beberapa orang mengatakan bahawa New Zealand masih selamat bagi mereka, tetapi lain mengatakan bahawa mereka berasa kurang selamat berbanding dengan dahulu. Kegusaran terhadap isu keselamatan telah menyebabkan beberapa orang merasakan perlunya ada komuniti berpagar, peningkatan keselamatan dan pengawasan di sekeliling tempat kediaman mereka, dan juga Polis New Zealand perlu lebih aktif dalam membangunkan hubungan erat dengan masyarakat Muslim. Sebahagian orang mengatakan bahawa mereka telah melaporkan kejadian rasis kepada Polis New Zealand sejak serangan pengganas yang berlaku pada 15 Mac 2019 dan merasakan bahawa perkara ini telah diambil serius oleh pihak polis.

Kesan prejudis (tidak sengaja atau sebaliknya), terutamanya di dalam media

- 11 Bagi ramai whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi yang kami temui, serangan pengganas pada 15 Mac 2019 bukanlah tidak dapat dijangka. Kami mendengar bahawa:

... peristiwa-peristiwa pada hari itu boleh ditunjukkan oleh begitu banyak tandatanda tentang kedatangannya, yang semuanya adalah jelas dan semuanya telah diabaikan oleh mereka yang berkuasa untuk bertindak.

...kami merasa seperti kami adalah komuniti kelas kedua. Mereka memberikan kami perasaan seperti ini, dan kami tidak mendapat kepercayaan daripada pihak polis [New Zealand]. Ada beberapa ketika anda ingin pergi mencari orang lain jika anda tidak mempercayai mereka.

- 12 Kami diberitahu bahawa perkara tersebut terjadi dalam konteks masyarakat, termasuk agensi-agensi sektor Awam, yang sering mempunyai salah faham terhadap masyarakat Islam dan kepelbagaiannya mereka yang lebih luas. Orang merasa bahawa prejudis yang tidak disedari adalah lazim dalam hubungan agensi-agensi sektor Awam dengan masyarakat Muslim sebelum, dan selepas serangan pengganas tersebut.

Walaupun ia tidak jelas bagi orang lain di luar komuniti, hubungan antara wacana umum mengenai Islamofobia dan cara-cara tertentu di mana komuniti Muslim berinteraksi dengan agensi-agensi kerajaan adalah jelas dalam pandangan mangsa-mangsa.

- 13 Beberapa orang telah memperhatikan terdapat peningkatan komen rasis di media sosial dari masa ke masa, terutamanya dalam beberapa tahun terakhir ini. Kami mendengar seruan umum untuk menangani ancaman dalam talian dengan lebih serius, dan agar perkara ini dapat disiasat. Kami ditunjukkan video YouTube dan halaman Facebook yang bertumpu pada Islamofobia, perkauman atau sentimen kebencian, dan sangat bertumpu terhadap mereka yang melaporkannya. Video dan halaman ini semuanya berasal daripada orang-orang di New Zealand. Dalam beberapa kes, Polis New Zealand telah diberitahu bahawa kandungan yang melampau, tetapi mereka hanya dapat melihat sedikit tindakan yang dilakukan untuk mengeluarkan kandungan tersebut dari platform media sosial. Sebilangan orang berpendapat bahawa, sebagai perbandingan, laman web yang mengandungi kandungan ekstremis Islam lebih mudah untuk dikeluarkan.

- 14 Whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi berkongsi kepercayaan mereka kepada kami bahawa televisyen dan media cetak New Zealand dan antarabangsa bersikap prejudis terhadap Muslim. Kami diberitahu bahawa laporan prejudis nampaknya semakin meningkat sejak serangan pengganas pada 11 September 2001 di Amerika Syarikat. Ramai yang menyatakan kekecewaan mereka terhadap peranan media dalam berkongsikan maklumat yang membawa kesalahfahaman terhadap Muslim dan Islam, dengan menyatakan bahawa laporan media tersebut telah menyumbang kepada peningkatan kumpulan anti-Muslim di New Zealand dan di seluruh dunia. Kami diberitahu bahawa:

...media telah memfitnah atau memburukkan Muslim, atau sekurang-kurangnya telah mengizinkan fitnah tersebut dengan kegagalan memberikan naratif balas yang kritis, dan ini menyumbang kepada sikap rasis yang mereka alami hari demi hari.

- 15 Kami mendengar impak sebenar laporan negatif media terhadap kehidupan seharian beberapa orang, termasuklah salah faham mengenai Islam dan melakukan ejekan perkauman terhadap orang-orang di jalan-jalan. Bagi beberapa orang di komuniti Muslim Christchurch, ejekan itu bertambah buruk sejak tahun 2014 ketika sebuah berita media diterbitkan mengenai Islam radikal di Christchurch, dan tuduhan telah dibuat bahawa seseorang radikal

berada di masjid tertentu di Christchurch. Kisah media ini mempunyai pengaruh yang signifikan dan berterusan terhadap masyarakat Muslim di Christchurch, dengan laporan pada tahun-tahun berikutnya kejadian yang berterusan di masjid, seperti pencerobohan, gangguan dan pencurian. Ketika mengimbang kisah media pada tahun 2014, seorang yang terselamat dari serangan pengganas itu mengatakan bahawa mereka semakin fokus terhadap isu keselamatan di masjid tersebut sejak dari itu.

- 16 Terdapat juga rasa bahawa gambaran media mengenai individu yang melakukan serangan pengganas pada 15 Mac 2019 adalah prejudis. Artikel media mempersoalkan bagaimana "anak baik" berubah "menjadi buruk"? Whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi merasa bahawa seandainya seorang Muslim yang melakukan serangan pengganas, media akan menggambarkan orang itu secara berbeza dan tidak mungkin memberi fokus sebagai orang yang baik.



“The most important thing is to have a clear idea of what you want to do, and then go after it with all your might.”

—Oscar de la Renta

Bab 4: Soalan yang dikemukakan mengenai individu dan apa yang diketahui oleh agensi-agensi sektor Awam tentang pengganas

- 1 Beberapa orang yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi yang kami temui bertanya kepada kami mengenai atau berkongsi pandangan mereka mengenai individu yang melakukan serangan pengganas itu. Mereka percaya bahawa individu tersebut mengunjungi Masjid an-Nur dan Pusat Islam Linwood sebelum serangan pengganas pada 15 Mac 2019. Mereka menggambarkan seorang lelaki, yang mereka percaya sebagai individu tersebut, mengelak perbualan jujur termasuk dengan Imam, telah hadir di Masjid an-Nur dan memberitahu bahawa amalan beliau di masjid termasuk pada waktu solat, menunjukkan bahawa dia bukan sentiasa mengunjungi masjid tersebut.
- 2 Sebilangan besar whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi tidak dapat menerima bagaimana individu tersebut dapat menjalankan persiapan dan perancangan aktiviti dengan begitu teliti tanpa dikesan. Mereka percaya bahawa dia pasti mendapat sokongan rakan atau kumpulan dalam talian untuk melakukan serangan pengganas itu. Mereka juga percaya bahawa lebih dari seorang pasti telah terlibat dalam serangan pengganas kerana perancangan yang dijalankannya, dan beberapa orang melaporkan mendengar individu itu bercakap dengan orang lain semasa berlaku serangan pengganas itu.
- 3 Whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi yang bercakap dengan kami mempunyai pertanyaan khusus yang harap dapat dijawab melalui laporan Suruhanjaya Diraja mengenai individu yang disabitkan atas serangan pengganas itu, termasuk:
 - Apakah dia mendapat sokongan langsung atau tidak langsung untuk melakukan serangan pengganas itu?
 - Bagaimana dia mampu membeli semua senjata dan peralatan yang diperlukan untuk melakukan serangan pengganas itu?
 - Bagaimana dia dapat mengumpulkan begitu banyak peluru tanpa menarik perhatian pihak berkuasa?
 - Dengan fakta bahawa dia pernah mengunjungi negara-negara dengan amaran nasihat perjalanan, mengapa dia tidak diperiksa dengan lebih menyeluruh oleh imigresen ketika memasuki New Zealand?
 - Bagaimana dia tahu 'masa yang tepat' untuk memasuki Masjid an-Nur atau Pusat Islam Linwood?
- 4 Soalan-soalan ini berserta soalan lain yang dikemukakan oleh komuniti mengenai individu tersebut dan apa yang diketahui oleh agensi sektor Awam mengenai dirinya telah dijawab dalam laporan kami.



Bab 5: Penyelesaian yang dicadangkan oleh whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi

- 1 Tujuan utama kami untuk bertemu dengan whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi yang terlibat adalah untuk mendengar dari mereka. Selain berkongsi pengalaman dan masalah peribadi, mereka juga banyak memberi kami cadangan bagaimana masalah yang mereka bangkitkan dapat ditangani.
- 2 Kami diberitahu bahawa beberapa whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi memerlukan masa untuk sembuh sebelum mereka dapat mengambil bahagian dalam proses, termasuk perbicaraan individu tersebut (apa yang akan dijalankan) oleh Suruhanjaya Siasatan Diraja. Oleh kerana proses seperti itu memerlukan masa yang panjang, beberapa orang tidak dapat melibatkan diri, walaupun ini merupakan sesuatu yang kuat membantu pemulihan peribadi mereka. Satu cadangan yang dikemukakan kepada kami ialah pembentukan proses keadilan pemulihian jangka panjang yang tidak terikat pada masa. Proses ini akan dirancang bersama dengan whānau yang terkesan, mangsa dan saksi untuk menangani keperluan kompleks mereka yang berterusan. Proses seperti itu akan memberi mereka pertanggungjawaban, penyembuhan, kesempatan untuk menyuarakan pengalaman mereka dan mencari kebenaran. Tanpa had masa, proses ini akan membolehkan mereka yang memerlukan sokongan supaya terlibat pada waktu yang sesuai dan dengan cara ini, memberi mereka kekuatan dalam pemulihan mereka sendiri.
- 3 Kami diberitahu bahawa siasatan koronial harus dilakukan untuk memberikan penilaian bebas mengenai tindak balas terhadap serangan pengganas termasuk tanggapan Polis New Zealand dan hospital dan memastikan semua soalan yang tertangguh dapat dijawab.
- 4 Kami mendengar dari beberapa whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi, serta ahli Muslim Community Reference Group mengenai pentingnya ketelusan dari kerajaan dan agensi sektor Awam ketika melakukan perubahan sebagai tindakan terhadap laporan kami dan dalam melaksanakan cadangan kami. Kami diberitahu bahawa tidak seharusnya diserahkan kepada komuniti semata-mata untuk meminta kerajaan dan agensi sektor Awam untuk bertindak terhadap laporan kami. Sebagai contoh, sebilangan mereka mencadangkan agar ada seorang Menteri yang bertanggungjawab untuk whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi oleh serangan pengganas dan melaksanakan cadangan oleh Suruhanjaya Diraja, yang serupa dengan Menteri yang bertanggungjawab untuk Pike River, di mana semua agensi sektor Awam yang berkaitan akan melaporkan kepada Menteri tersebut.

Meningkatkan keselamatan di Masjid

- 5 Beberapa orang membicarakan perlunya peningkatan keselamatan secara berterusan di Masjid an-Nur dan Pusat Islam Linwood serta tempat-tempat berkumpul Muslim yang lain. Cadangan keselamatan yang diperlukan termasuk memastikan kehadiran seorang Polis New Zealand, tidak mendedahkan pintu masuk masjid, memasang kamera keselamatan dan langkah keselamatan lain. Sumber ini perlu dibekalkan oleh pihak kerajaan. Mereka juga menyarankan agar keselamatan ditingkatkan di semua tempat ibadat, bukan hanya di masjid.

Mendukung hak asasi manusia, diversiti dan mengurangkan kesan ekstremisme yang merbahaya


- 6 Hampir semua orang yang kami temui percaya bahawa dengan menangani perkauman dan prajudis ini akan menjadikan New Zealand lebih selamat dan ini dapat mencegah serangan pengganas pada masa akan datang. Mereka mengatakan bahawa kunci untuk menghilangkan sikap perkauman adalah meningkatkan kesedaran ke seluruh masyarakat New Zealand.

Kebencian ini mesti dihilangkan. Sikap perkauman dapat dihapuskan melalui media yang menyampaikan mesej yang harmoni.

- 7 Sebilangan orang mencadangkan bahawa New Zealand harus menjatuhkan hukuman yang lebih keras untuk jenayah dan ucapan kebencian. Sebilangan orang menyatakan bahawa definisi ucapan kebencian dalam Akta Hak Asasi Manusia 1993 harus diperluas untuk merangkumi permusuhan terhadap orang atas landasan agama.

- 8 Ada orang berkongsi pelbagai idea dengan kami tentang cara mengajar orang mengenai kepelbagaian budaya dan agama, dan kepentingan kepelbagaian dalam masyarakat New Zealand. Idea-idea ini merangkumi:

- Memberi maklumat tentang cara melaporkan insiden sikap perkauman;
- Kempen anti-perkauman;
- Kempen kesedaran mengenai kepelbagaian budaya dan agama kepada orang awam;
- Memperluas latihan guru dan kurikulum sekolah untuk merangkumi pendidikan mengenai kepelbagaian budaya dan agama;
- Menjemput masjid di seluruh New Zealand untuk menganjurkan acara komuniti;
- Pihak berkuasa tempatan menaja dan menganjurkan acara awam untuk meraikan perayaan umat Islam seperti Eidul Fitri, seperti yang dilakukan untuk meraikan perayaan lain seperti Matariki, Tahun Baru Cina, Diwali; dan
- Menjemput pimpinan komuniti Islam untuk menerajui wacana awam mengenai Islam dan terlibat dalam dialog antara agama.



**Kebencian ini mesti
dihilangkan. Sikap
perkauman dapat
dihapuskan melalui media
yang menyampaikan mesej
yang harmoni.**

Penambahbaikan terhadap sistem keselamatan negara New Zealand

- 9 Beberapa orang yang kami temui mencadangkan penambahbaikan pada sistem keselamatan negara New Zealand. Mereka merasakan bahawa agensi keselamatan harus lebih proaktif. Secara khusus, mereka menyarankan agar agensi keselamatan meningkatkan pemantauan terhadap anti-Muslim, sayap kanan ekstrim, dan ancaman lain kepada komuniti yang mudah terdedah di media sosial, dan mereka harus mengambil ancaman dalam talian dengan lebih serius.

Silap faham dan ketakutan mengenai tujuan kerohanian dan falsafah ajaran Islam telah lama diketahui walaupun di masyarakat yang damai dengan pelbagai kebudayaan di mana Islam adalah agama minoriti. Silap faham seperti itu, dibawah pengaruh supremasi kulit putih, membentuk asas ideologi serangan. Oleh itu, salah faham yang sangat kritis seperti itu tidak sepatutnya dibenarkan memburukkan lagi masalah yang lebih umum dari segi pendekatan berpusatkan sistem.

- 10 Beberapa orang mensyorkan lebih banyak latihan disediakan dengan cepat untuk kakitangan di New Zealand Intelligence Community untuk mengenali ancaman yang semakin meningkat.

- 11 Kami diberitahu bahawa agensi sektor Awam harus mengambil dan mengembangkan kepakaran yang sesuai, termasuk kepakaran budaya, sehingga mereka dapat memahami:

- cabaran yang dihadapi, dan keperluan pemulihan atau, orang dan komuniti yang trauma;
- cabaran yang mungkin dihadapi oleh orang-orang yang bekerja dengan orang-orang dan komuniti yang trauma dan memastikan terdapat sokongan dalam pentafsiran dan penterjemahan;
- bagaimana orang yang mengalami pengalaman keganasan menerima dan memproses maklumat;

Ia adalah penting bagi agensi sokongan untuk memahami bahawa mangsa sukar untuk memproses maklumat ketika emosi mereka merasa tertekan.

Trauma boleh mempengaruhi pemprosesan maklumat mereka dalam beberapa cara.

- bagaimana membina hubungan kolaboratif berdasarkan kepercayaan dengan komuniti yang mudah terdedah.

Adalah sangat penting untuk mendengar secara aktif, menyokong dan berinteraksi dengan berkesan - ketiga-tiga ini tidak dapat dipisahkan - dengan komuniti yang terkesan, yang mana, dapat memberikan mereka perkhidmatan dan sokongan yang sesuai.

- sokongan dalam bentuk pemulihan psikologi perlu merangkumi aktiviti penglibatan masyarakat.

Daripada memberi kehadiran secara simbolik atau pasif, pihak polis diminta untuk aktif dalam menjalankan hubungan yang prihatin dan lebih rapat dengan komuniti, dan memberi perhatian kepada keperluan dan keselamatan komuniti.

- 12 Kami diberitahu tentang kepentingan menggunakan pendekatan pemulihan secara berpusat pada manusia (lebih khusus, berpusat pada kesejahteraan mangsa yang terselamat). Unsur ini penting untuk memberi peluang dan ruang kepada mangsa yang terselamat untuk didengar, dan mereka dapat terlibat dalam perkembangan penyelesaian jangka panjang.

Ia adalah penting untuk meningkatkan suara mangsa. Mangsa mempunyai sentimen yang serius dan juga idea untuk menyelesaikan masalah utama, tetapi mereka sukar untuk menyuarakan idea-idea ini.

- 13 Pendekatan yang berpusat pada manusia, kami diberitahu, akan lebih fokus kepada penyelesaian masalah dan mencari jalan penyelesaian serta lebih bersifat terkehadapan. Manakala, pendekatan berpusat pada sistem lebih fokus kepada risiko dan masalah yang dihadapi oleh mangsa terkesan, terselamat dan saksi kejadian daripada keperluan kepada mereka yang dibantu oleh sistem sokongan.

- 14 Ia juga disarankan agar perancangan persediaan agensi sektor Awam untuk keperluan pemulihan komuniti secara jangka panjang, adalah fleksibel dan dapat disesuaikan. Sebagai contoh, defisini bagi seseorang mangsa yang terselamat dalam sesuatu komuniti mungkin perlu berbeza bergantung pada peristiwa kejadian. Begitu juga, komuniti yang berlainan sering mengkategorikan whānau dengan cara yang berbeza dan ini perlu diambil kira.



Bab 6: Perkara-perkara lain yang dikemukakan oleh whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi-saksi

- 1 Pendekatan yang kami ambil untuk mengadakan pertemuan dengan whānau yang terkesan, mangsa terselamat dan saksi, khususnya bahawa mereka yang memimpin perjumpaan dan membincangkan apa yang mereka mahu dengan kami, bermaksud bahawa kami mendapat cadangan dan pandangan mereka mengenai perkara-perkara di luar Terma Rujukan kami.
- 2 Seperti yang dinyatakan sebelumnya dalam dokumen ini, Terma Rujukan kami adalah memberi jaminan kepada masyarakat New Zealand. Oleh itu, kami berpendapat bahawa ia penting untuk mencatat isu-isu yang penting bagi para mangsa terkesan, terselamat dan saksi kejadian yang kami temui.

Tindak balas polis New Zealand terhadap serangan pengganas

- 3 Kami mendengar maklum balas dari ramai orang mengenai serangan pengganas, termasuk pemerhatian terhadap cara responden dilengkapi untuk menangani serangan pengganas. Ini adalah satu-satunya isu yang sering dibangkitkan dalam semua perjumpaan kami dengan para mangsa terkesan, terselamat dan saksi kejadian.
- 4 Orang-orang yang kami temui menyatakan kemarahan, kesedihan, kekecewaan dan kegusaran tentang masa yang begitu lama diambil oleh Polis New Zealand untuk tiba di dalam Masjid an-Nur dan membenarkan perkhidmatan perubatan kecemasan sampai di tempat kejadian melalui sekatan Polis New Zealand. Hampir semua orang yang kami temui percaya lebih ramai nyawa dapat diselamatkan sekiranya mereka mendapat rawatan perubatan segera.

Ini bermaksud bahawa, di sebalik usaha aktif oleh ahli komuniti dalam menyampaikan arahan yang jelas dan tepat untuk mengelakkan kekeliruan, polis jelas mempamerkan ketidakmampuan untuk bertindak dengan sesuai dan tepat.

- 5 Kami juga mendengar ramai orang yang kecewa kerana Polis New Zealand tidak bertindak cepat untuk melindungi masjid dan tempat berkumpul komuniti Islam yang lain. Mereka percaya bahawa nyawa dapat diselamatkan di Pusat Islam Linwood sekiranya Polis New Zealand dikerahkan dengan cepat ke lokasi tersebut. Kami diberitahu oleh beberapa mangsa terkesan, terselamat dan saksi kejadian yang membandingkan situasi yang serupa atau pengalaman keganasan senjata api dari negara-negara asal mereka sebelum ke New Zealand, di mana agensi digambarkan sebagai

...jauh lebih responsif dan menumpukan pada keadaan yang mendesak.

- 6 Kami diberitahu dalam perjumpaan dengan mangsa yang terkesan, terselamat, dan saksi kejadian pada 8 November 2020 bahawa mereka masih mempunyai soalan yang belum dijawab mengenai maklum balas Polis dan hospital New Zealand terhadap serangan pengganas.


- 7 Banyak mangsa yang terkesan, terselamat dan saksi kejadian menasihatkan bahawa bekas Pesuruhjaya Polis, Mike Bush, supaya mengumumkan laporan sendiri terhadap tindakan Polis New Zealand terhadap serangan pengganas itu. Sebilangan besar mereka merasa kecewa kerana hasil laporan itu belum disebarluaskan kepada awam dan sepatutnya ia sudah disampaikan pada masa ini. Ini menyebabkan beberapa orang mangsa yang terkesan, terselamat dan saksi kejadian merasa bahawa kepercayaan dan keyakinan mereka terhadap Polis New Zealand semakin berkurangan. Ada di antara mereka merasa curiga bahawa laporan tersebut telah mengenalpasti beberapa kesilapan yang tidak mahu didedahkan secara telus oleh Polis New Zealand.

Interaksi individu dengan sistem keadilan jenayah

- 8 Beberapa orang yang kami dengar gusar bahawa keadaan penjara di New Zealand tidak cukup keras bagi individu tersebut. Sebilangan orang berpendapat bahawa hukuman mati adalah hukuman yang sesuai bagi sesiapa yang disabitkan atas serangan pengganas.
- 9 Beberapa orang berkongsi kegusaran dan kekecewaan bahawa individu tersebut dapat berutus surat dengan mereka yang sama fikrah ketika berada di penjara. Mereka mempersoalkan bagaimana perkara ini boleh dibiarkan berlaku dan meminta pertanggungjawaban dari Department of Corrections. Kami mendengar perlunya sekatan penyebaran pandangan ekstrimis yang merbahaya ketika mereka berada di penjara.

Lampiran: Proses penyediaan dokumen ini

- 1 Kami menerima sejumlah besar maklumat dalam proses penglibatan dengan mangsa whānau yang terkesan, terselamat dan saksi kejadian, melalui perjumpaan, penyerahan, dan interaksi lain. Mesyuarat dengan mereka diadakan secara tertutup, tetapi Suruhanjaya Diraja mencatat, dengan keizinan orang yang kami temui, untuk menyimpan rekod apa yang kami dengar.
- 2 Kami mengumpulkan nota kami dan bahan maklumat lain yang kami terima dari mangsa whānau yang terkesan, terselamat dan saksi kejadian, untuk mengenal pasti tema dan topik yang sama. Ini membolehkan kami mendokumentasikan kisah, pengalaman dan bukti mereka secara tepat, daripada mengumpul pengalaman daripada seseorang yang tertentu, dengan menghormati sifat peribadi interaksi kami dengan mereka. Sekiranya ungkapan disertakan, kami meminta dan mendapatkan keizinan untuk menggunakanannya.
- 3 Dokumen ini tidak membuat kesimpulan dari, atau memberi komen atas kisah, pengalaman dan bukti dari mereka yang paling terkesan daripada serangan pengganas. Ia juga tidak memilih satu pandangan daripada pandangan yang lain. Sebaliknya, tujuan dokumen ini adalah untuk memberi ruang khusus kepada suara-suara para 51 shuhada, yang terselamat dan saksi kejadian serangan pengganas dan whānau mereka. Suara-suara ini sepatutnya didengar.



**Simbol kami terinspirasi oleh Aotearoa
Selandia Baru yang abadi ikon, koru.**

Daun pakis yang terbentang mewakili keamanan, ketenangan, pertumbuhan, perubahan positif dan kebangkitan. Dimensi kedamaian ini juga melekat dalam makna iman yang hidup dalam Islam.

Kami sama dengan antara taonga dan perjalanan yang dialami orang Selandia Baru di masa depan untuk menjadi masyarakat yang lebih selamat dan lebih inklusif.

Reka bentuk koru dengan tujuh kelompok tujuh helai daun juga mengakui hal itu 15 Mac 2019 menurut kalender Islam bertepatan dengan, 7 Rajab 1440, iaitu Hari ke-7 bulan ke-7 Islam.

